



Panduan anda mengenai

Konsep Asas dan **Amalan** dalam **Perbankan Islam**

Kandungan

1

Apakah perbankan Islam?
Perbankan Islam di Malaysia

2

Pematuhan prinsip Syariah
Konsep Syariah dalam perbankan Islam

10

Soalan Lazim

12

Glosari

Buku kecil ini menerangkan konsep asas dan prinsip perbankan Islam.

Apakah perbankan Islam?

Perbankan Islam ialah perbankan yang berlandaskan undang-undang Islam (Syariah), iaitu fiqh muamalat (peraturan Islam dalam transaksi). Kesemua peraturan dan amalan di dalam fiqh muamalat berasal dari Al-Quran dan Al-Sunnah dan sumber undang-undang Islam sekunder yang lain seperti kesepakatan pendapat oleh ulama mujtahid tentang sesuatu hukum Syariah (ijma), menyamakan perkara baru yang tiada nas secara analogi (qiyas) dan hasil usaha daripada para mujtahid dalam merumuskan sesuatu hukum dan nilai melalui kaedah istinbat (ijtihad).

Perbankan Islam di Malaysia

- Bank Islam pertama ditubuhkan di Malaysia pada 1983.
- Pada tahun 1993, bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam di bawah Skim Perbankan Islam (Bank SPI).
- Bank SPI perlu memisahkan dana dan aktiviti transaksi perbankan Islam daripada perniagaan perbankan konvensional.
- Anda boleh mengenal pasti perbankan Islam atau bank SPI melalui logo di bawah:



Pematuhan prinsip Syariah

Semua bank Islam dan bank-bank SPI perlu menubuhkan jawatankuasa Syariah bagi membimbing mengenai hal-hal Syariah dan memastikan bahawa fungsi bank tersebut adalah mematuhi kehendak Syariah. Selain daripada itu, nasihat Majlis Penasihat Syariah iaitu badan Syariah tertinggi yang ditubuhkan di Bank Negara Malaysia boleh diperolehi bagi memastikan keseragaman dalam pendapat dan amalan. Ahli-ahli jawatankuasa Syariah dan Majlis Penasihat Syariah kebanyakannya terdiri daripada para cendekiawan dan pakar Syariah dalam bidang perbankan dan kewangan Islam.

Konsep Syariah dalam perbankan Islam


Konsep asas Syariah adalah seperti yang berikut:

Wadi`ah (Simpanan)

Wadi`ah bermaksud kontrak menyimpan sesuatu barang atau harta sebagai amanah. Di dalam kontrak ini, pelanggan akan mendepositkan wang tunai atau aset lain sebagai simpanan di bank. Bank akan menjamin keselamatan barang yang disimpan oleh pelanggannya.


**Ketahui konsep
Syariah yang dipakai
dan fahami hak dan
tanggungjawab anda**

Mekanisme operasi Wadi'ah adalah seperti berikut:-



- 1) Anda mendeposit wang di bank dan bank menjamin wang tersebut akan dipulangkan kepada anda.
- 2) Anda boleh mengeluarkan wang pada bila-bila masa.
- 3) Bank mungkin mengenakan fi sebagai caj menjaga deposit pelanggan dan membayar hibah (hadiah) jika perlu.
- 4) Konsep ini lazimnya diguna pakai di dalam aktiviti penyimpanan deposit, khidmat pemegang amanah dan peti simpanan deposit.

Mekanisme operasi Mudarabah adalah seperti berikut:-



Mudarabah (Perkongsiian keuntungan)


Mudarabah ialah suatu kontrak perkongsian keuntungan antara dua pihak, iaitu pemilik modal dan pengusaha. Pemilik modal akan menyediakan dana bagi pengusaha untuk menjalankan usaha niaga dan mendapat pulangan hasil daripada jumlah dana yang dilaburkan dalam usaha niaga tersebut berdasarkan nisbah perkongsian untung yang telah dipersetujui. Prinsip Mudarabah boleh digunakan dalam operasi perbankan Islam dalam dua cara: antara bank (sebagai pengusaha) dan pemilik modal dan antara bank (sebagai pemilik modal) dan pengusaha. Kerugian yang dialami akan ditanggung oleh pemilik modal.

- 1) Anda menyediakan dana kepada bank setelah bersetuju dengan terma dalam perjanjian Mudarabah.
- 2) Bank melaburkan dana ke dalam aset atau usaha niaga yang dipersetujui.
- 3) Perniagaan mungkin mengalami keuntungan atau kerugian.
- 4) Keuntungan akan dikongsi di antara anda dengan bank berdasarkan nisbah perkongsian untung yang telah dipersetujui.
- 5) Kerugian akan ditanggung oleh pemilik modal. Ini akan mengurangkan nilai aset/ pelaburan dan seterusnya amaun dana yang telah anda laburkan di bank.

Bai' Bithaman Ajil – BBA (Penjualan dengan harga tertangguh)

Ini merujuk kepada jualan barangan di mana penjual membayar kepada pembeli harga jualan secara tangguh beserta dengan suatu margin keuntungan yang dipersetujui, sama ada secara sekali gus atau secara ansuran.

Mekanisme operasi Bai' Bithaman Ajil adalah seperti berikut:-



- 1) Anda memilih suatu aset yang ingin dibeli.
- 2) Anda dapatkan pembiayaan BBA daripada bank dan berjanji akan membeli aset tersebut pada harga jualan yang telah termasuk keuntungan.
- 3) Bank membeli aset tersebut daripada pemilik secara tunai.
- 4) Hak milik aset berpindah tangan kepada bank.
- 5) Bank menjual aset itu kepada anda dan menyerahkan hak milik aset kepada anda pada harga jualan tertangguh yang telah termasuk keuntungan.
- 6) Pembayaran boleh dibuat secara tangguh dan ansuran dalam suatu tempoh yang telah dipersetujui.

Murabahah (Kos tambah)

Seperti mana BBA, transaksi Murabahah melibatkan penjualan barangan di antara penjual dan pembeli pada harga jualan yang telah termasuk margin keuntungan yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Bagaimanapun, dalam Murabahah, penjual mesti memaklumkan kepada pembeli kos sebenar aset dan margin keuntungan semasa perjanjian jualan dibuat.


Musarakah (Usaha sama)

Dalam konteks perniagaan dan perdagangan, Musarakah merujuk pada perkongsian atau usaha sama perniagaan untuk mendapatkan keuntungan. Keuntungan yang diperoleh akan dikongsi oleh rakan kongsi berdasarkan nisbah yang dipersetujui yang mungkin tidak sama nisbahnya dengan jumlah pelaburan yang dibuat oleh rakan kongsi. Bagaimanapun, kerugian yang dialami akan dikongsi berdasarkan nisbah dana yang dilabur oleh setiap rakan kongsi.

Ijarah Thumma Bai' (Sewa beli)

Ijarah Thumma Bai' lazimnya digunakan dalam membiayai barangan pengguna terutamanya pembiayaan kenderaan. Terdapat dua kontrak berasingan yang terlibat: kontrak Ijarah (pajakan/ penyewaan) dan kontrak Bai' (jual beli). Kontrak-kontrak tersebut akan dimeterai secara berasingan dengan turutan yang betul seperti yang digambarkan di diagram di muka surat 7.

Mekanisme operasi Ijarah Thumma Bai' adalah seperti berikut:-



- 1) Anda memilih kereta yang ingin dibeli.
- 2) Anda memohon pembiayaan Ijarah untuk kereta tersebut, membayar deposit kereta berkenaan dan berjanji akan memajak kereta tersebut daripada bank setelah bank membeli kereta tersebut.
- 3) Bank menjelaskan pembayaran kereta berkenaan kepada penjual.
- 4) Penjual kereta memberi hak milik kereta kepada bank.
- 5) Bank memajakkan kereta tersebut kepada anda.
- 6) Anda membayar sewa Ijarah untuk satu tempoh yang telah ditetapkan.
- 7) Pada akhir tempoh pajakan, bank menjual kereta tersebut kepada anda pada harga yang telah dipersetujui.

Wakalah (Agensi)

Ini merupakan satu kontrak di mana seseorang (prinsipal) melantik pihak lain bagi bertindak mewakili dirinya (sebagai ejen) untuk melaksanakan tugas-tugas khusus. Pihak yang menerima tugas itu adalah ejen yang biasanya dibayar fi atas perkhidmatannya.

Contoh

Seorang pelanggan meminta bank membuat pembayaran kepada pihak lain di bawah syarat-syarat tertentu. Dalam hal ini, bank ialah ejen yang diberikan kuasa untuk melaksanakan transaksi kewangan bagi pihak pelanggan dan bank akan dibayar fi atas perkhidmatannya.

Qard (Kontrak hutang)

Di bawah perjanjian ini, pinjaman diberi untuk satu tempoh yang tetap atas semangat ihsan dan peminjam hanya perlu membayar balik jumlah pinjaman yang sebenar sahaja. Walau bagaimanapun, sekiranya peminjam membayar lebih berdasarkan budi bicaranya (tanpa ikatan perjanjian), ia dianggap sebagai tanda penghargaan kepada pemberi pinjaman.

Contoh

Pemberi pinjaman meminjamkan sebanyak RM5,000 kepada peminjam berdasarkan Qard akan mengharapkan peminjam memulangkan sebanyak RM5,000 kepadanya kelak pada masa yang dipersetujui.

Hibah (Ganjaran)

Hibah merujuk kepada pemberian hadiah secara sukarela sebagai balasan kepada manfaat yang diterima.

Contoh

Dalam simpanan yang beroperasi di bawah Wadi`ah, bank lazimnya membayar kepada penyimpan Wadi`ah hibah walaupun pemegang akaun hanya ingin membuat simpanan mereka di bank.

Sentiasa mendapat penerangan lanjut daripada bank anda terhadap sebarang kemusykilan



Soalan Lazim

S: Adakah perbankan Islam hanya untuk orang Islam sahaja?

J: Tidak. Perbankan Islam adalah untuk semua individu tanpa mengira kepercayaan agama mereka.

S: Apakah perbezaan antara perbankan Islam dengan konvensional?

J: Perbezaan utama di antara perbankan Islam dan perbankan konvensional ialah perbankan Islam mesti berlandaskan Syariah. Perbankan Islam juga mesti mengelakkan aktiviti seperti riba', gharar (ketidakpastian yang berlebihan), perjudian dan penipuan. Sebagai contoh, di dalam kes pembiayaan, sebagai ganti kepada caj faedah yang dikenakan ke atas pembiayaan yang diberikan, institusi perbankan Islam sebaliknya menyediakan pembiayaan berdasarkan kontrak musyarakah atau perkongsian untung dan rugi.

S: Bagaimana bank Islam dan SPI memberi ganjaran kepada penyimpan sedangkan pembayaran faedah tidak dibenarkan?

J: Dalam Syariah, terdapat banyak cara untuk berkongsi keuntungan atau pulangan di antara bank dan pelanggan. Contohnya, dalam produk deposit, bank dan pendeposit akan berkongsi keuntungan berdasarkan nisbah yang dipersetujui dan dibayar sebagai dividen. Bank juga dibenarkan untuk memberi hibah (ganjaran) kepada pendeposit sekiranya ia bersesuaian.

S: Di mana boleh saya dapatkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam?

J: Produk dan perkhidmatan perbankan Islam ditawarkan di semua bank yang mempunyai logo perbankan Islam seperti yang di bawah:-



Senarai maklumat terkini bank-bank yang menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam terdapat di laman web Bank Negara Malaysia www.bnm.gov.my.

S: Di manakah saya boleh membuat aduan jika saya tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan oleh bank Islam atau bank SPI?

J: Anda boleh menghubungi bank anda jika anda mempunyai sebarang aduan. Semua bank Islam dan bank SPI telah menubuhkan Unit Aduan masing-masing bagi menangani aduan pelanggan. Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai pihak yang boleh dihubungi, nombor telefon dan alamat e-mel Unit Aduan bank daripada laman web Bank Negara Malaysia di www.bnm.gov.my.

Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut tentang cara membuat aduan, sila baca risalah mengenai "Membuat Aduan".

Glosari

- Gharar** - Unsur penipuan atau keadaan ketidakpastian yang boleh membawa kepada pertelingkahan dalam kontrak. Suatu elemen yang mesti dielakkan di dalam perjanjian perbankan Islam kerana gharar yang berlebihan akan membuat kontrak menjadi batal dan tidak sah.
- Riba'** - Amaun yang dibayar atau diterima melebihi prinsipal dalam kontrak pinjaman.
- Syariah** - Undang-undang Islam yang berteraskan pelbagai sumber – Al-Quran, Hadis, As-Sunnah, ijma' (pandangan yang dipersetujui secara kolektif oleh ulama Syariah), qiyas (analogi) dan ijtihad (pendapat para mujtahid).





www.bankinginfo.com.my



Panduan *info perbankan* boleh didapati di semua bank.

Program pendidikan pengguna oleh:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA



PERSATUAN BANK-BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA



ASSOCIATION OF ISLAMIC BANKING INSTITUTIONS MALAYSIA
PERSATUAN INSTITUSI PERBANKAN ISLAM MALAYSIA

PENAFIAN

Dokumen ini diterbitkan untuk maklumat am sahaja. Ia tidak mengandungi nasihat atau maklumat lengkap berkenaan perkara tertentu dan tidak seharusnya digunakan sebagai alternatif kepada nasihat guaman.

Edisi Kedua 2009